

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2016

Dana, bantuan Yayasan Kepimpinan Perdana perlu dihentikan

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 JUN

PERGERAKAN Pemuda UMNO mendesak kerajaan menghentikan serta-merta segala bantuan serta dana kewangan yang disalurkan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana.

Naib Ketuaanya, **Khairul Azwan Harun** berkata, pihaknya memandang serius tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad memperalatkan yaysan berkenaan untuk menjatuhkan kerajaan di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Tindakan Dr. Mahathir memburuk-burukkan kerajaan amat dikecam kerana bertentangan dengan perlembagaan dan sistem demokrasi.

"Justeru, kami mendesak kerajaan untuk menghentikan segala



Kita melihat Dr. Mahathir menggunakan yaysan itu sebagai platform menjalankan gerakan serta mengatur program menentang kerajaan."

KHAIRUL AZWAN HARUN
Naib Ketua Pemuda UMNO

bantuan dan kewangan termasuk bantuan pengajian kakitangan yaysan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di ibu pejabat Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Khairul Azwan memberitahu, pihaknya akan menyerahkan surat kepada Perdana Menteri berhubung desakan berkenaan dalam tempoh terdekat.

"Kita melihat Dr. Mahathir menggunakan yaysan itu sebagai platform menjalankan gerakan serta mengatur program menentang kerajaan," tegasnya.

Dalam pada itu, Khairul Azwan turut mempersoalkan agenda yang diperjuangkan oleh bekas Perdana Menteri itu, sama ada atas dasar politik ataupun demi kepentingan peribadi.

"Dr. Mahathir hendak menyatakan kemahuan dan kehendak beliau atas agenda peribadi atau parti. Kalau parti, parti apakah yang beliau wakili? Sekiranya bukan ahli mana-mana parti politik, adakah agenda peribadi sendiri yang diperjuangkan?

um-24/6/2016


"Sekiranya beliau ikhlas mahu memperjuangkan sesuatu atas kepentingan politik, elok beliau jadi ahli PAN kerana beliau tolong berkempen untuk calon pembangkang tersebut dalam pilihan raya kecil tempoh hari.

"Tetapi jikalau sebaliknya, beliau berjuang atas kepentingan peribadi, saya serah kepada rakyat untuk menilainya," tegas Khairul Azwan.

Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang turut mendakwa yaysan tersebut sudah menyimpang daripada objektif asal penubuhannya.

Ketuanya, **Rafizal Abd. Rahim** menegaskan tindakan Dr. Mahathir bersekongkol dengan pihak pembangkang untuk menyerang kepimpinan Perdana Menteri.

Selain itu, beliau juga meminta Dr. Mahathir meletakkan jawatannya dalam yaysan itu.



KHAIRUL AZWAN HARUN (tengah) bersama Ketua Penerangan Pemuda UMNO, **Jawawi Jaafar** (kiri) dan Bendahari Pemuda, **Datuk Abdul Razak Abdul Rahman** menunjukkan memorandum mendesak kerajaan menghentikan dana kepada Yayasan Kepimpinan Perdana di Kuala Lumpur, semalam.